

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(I)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB. LEE KHAI LOON**

17. Senaraikan kawasan yang mempunyai internet jalur lebar yang menggunakan *fibre optic* mengikut daerah dan lokasi.
- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menyediakan perkhidmatan internet yang berkelajuan tinggi dengan harga yang berpatutan?
  - (b) Sejauh manakah liputan internet di seluruh negeri Pulau Pinang khasnya di kawasan desa yang kurang akses kepada perkhidmatan internet?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. Berdasarkan maklumat terkini yang diperolehi daripada pihak PEGIS, 50% kawasan di seluruh Negeri Pulau Pinang telah diliputi jajaran fiber sepanjang 3,217 km dengan 600 km daripadanya adalah di jalan-jalan utama negeri. Ini bermakna, 80% jalan-jalan utama telah diliputi fiber.
- Senarai kawasan yang mempunyai internet jalur lebar yang menggunakan *fibre optic* mengikut daerah dan lokasi adalah seperti di Lampiran A.

- (a) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memastikan syarikat telekomunikasi menyediakan perkhidmatan internet berkelajuan tinggi pada harga yang berpatutan untuk seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang melalui pelaksanaan *Fiber Forward Penang (FFP)* yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada 27 Mei 2015. Penetapan *One Dig Policy* kepada semua syarikat telekomunikasi dengan menandatangani *Non Disclosure Agreement (NDA)* adalah untuk menggalakkan syarikat-syarikat telekomunikasi memasang dan berkongsi fiber optik selain menggantikan rangkaian kuprum bagi tujuan penjimatan kos. Malah, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga mengamalkan Dasar Pintu Terbuka tanpa monopoli kepada mana-mana syarikat telekomunikasi yang ingin menyediakan infrastruktur telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang. Persaingan sesama syarikat ini seterusnya dilihat dapat memberikan potensi perkhidmatan internet yang lebih berkualiti dengan harga yang berpatutan.
- (b) Menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Wilayah Utara, Negeri Pulau Pinang merupakan salah satu negeri yang menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan internet yang terbaik di Malaysia. Statistik kadar penembusan jalur lebar bagi setiap 100 orang penduduk untuk suku tahun pertama tahun 2018 menunjukkan negeri Pulau Pinang mencatatkan jumlah sebanyak 138.1% berbanding Malaysia sebanyak 115.9%. Peratusan tersebut adalah melibatkan seramai 205,900 orang pelanggan jalur lebar talian tetap dan 2,200,276 orang pelanggan jalur lebar mudah alih di negeri Pulau Pinang sahaja. Bagi kawasan-kawasan luar bandar yang mempunyai akses terhad, pihak syarikat penyedia perkhidmatan akan menambah baik liputan selular daripada 2G kepada 3G dan LTE (*long term evolution*) bagi memberikan perkhidmatan jalur lebar mudah alih yang lebih pantas dan berkualiti. Selain itu, infrastruktur bagi jalur lebar talian tetap turut giat ditingkatkan dan diperluaskan ke kawasan-kawasan desa melalui Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi / High

Speed Broadband (HSBB) dan juga projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) yang dilaksanakan dengan kerjasama syarikat Telekom Malaysia (TM). Kerajaan Negeri amat komited dalam memastikan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di negeri Pulau Pinang dinaik taraf dari masa ke semasa seiring dengan perkembangan peredaran masa. Komitmen Kerajaan Negeri ini diterjemahkan menerusi pelbagai dasar dan inisiatif yang dijalankan supaya rakyat di negeri ini tidak ketinggalan dalam menghadapi cabaran globalisasi dan era Revolusi Industri 4.0.